

BAB 2

KOHESI DALAM WACANA PENULISAN ARAB : DEFINISI DAN KONSEP

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan dua bahagian utama yang berkaitan dengan konsep wacana dan konsep kohesi sepetimana yang dilaungkan oleh sarjana-sarjana analisis wacana. Bahagian pertama dimulakan dengan memberikan definisi kepada wacana berdasarkan dua aliran linguistik iaitu Aliran Struktural dan Aliran Fungsional. Aliran Struktural memandang sesuatu konsep bahasa dari sudut bentuk manakala Aliran Fungsional melihat konsep bahasa dari aspek fungsi dan penggunaannya dalam konteks sosial yang sebenar. Kemudian dijelaskan secara kasar tentang tujuh kriteria atau piawaian yang perlu ada dalam sesebuah wacana bagi menjamin ketekstualannya. Perbezaan penghasilan wacana lisan dan tulisan juga dinyatakan dan seterusnya perkaitan di antara wacana dengan konteksnya. Perlu dinyatakan bahawa sesuatu wacana tidak memberikan apa-apa nilai komunikasi jika ia dihasilkan tanpa mengambilkira konteks situasi yang melatarinya. Bahagian kedua bab ini membicarakan konsep kohesi dari sudut pemahaman linguistik moden terutamanya yang diilhamkan oleh pengasas teori ini iaitu Halliday dan isterinya Ruqaiya Hasan. Definisinya sangat luas kerana ia merupakan asas kepada pembinaan satu-satu wacana. Kohesi yang merupakan pertalian di antara satu unsur dengan unsur yang lain boleh terdapat sama ada di dalam ayat atau di antara ayat-ayat iaitu

dalam wacana keseluruhannya. Orientasi struktur kohesi dalam ayat mempunyai sedikit perbezaan dengan yang terdapat di antara bahagian-bahagian dalam wacana. Kohesi juga berbeza daripada koheren walaupun kedua-duanya merupakan ciri utama ketekstualan wacana. Ini adalah kerana koheren memerlukan pengukuran pemahaman wacana oleh pendengar atau pembaca dan kefahaman ini sudah tentunya sukar dinilai kerana ia bergantung kepada faktor penguasaan linguistik dan bidang perbicaraan wacana.

2.2 Konsep Wacana

Wacana adalah satuan bahasa yang lengkap. Wacana bermaksud apa sahaja yang diujarkan oleh penutur yang mempunyai nilai interaksi sebagaimana dijelaskan oleh Halasz (1987:1) seperti berikut:

"Discourse means speech, talk, conversation, lecture, sermon, treatise. So, 'discourse' is to say things, speak to give information, discuss something, talk or address given in public, talk to an audience for the purpose of teaching, address on moral subject, and so on."

Schiffrin (1994) mendefinisikan wacana sebagai ujaran (*utterance*). Wacana merupakan himpunan unit-unit (ujaran-ujaran) yang mempunyai hubungan konteks secara semula jadi dalam penggunaan bahasa yang sebenar. Beliau menjadikan ujaran sebagai unit wacana yang terkecil sama ada diungkapkan secara lisan mahupun tulisan. Konsep wacana Schiffrin terkandung dalam pernyataan beliau seperti berikut:

"...discourse is utterances. This view captures the idea that discourse is "above" (larger than) other units of language; however, by saying that utterance (rather than sentence) is the smaller unit of which discourse is comprised, we can suggest that discourse arises not as a collection of decontextualized units of language structure, but as a collection of inherently contextualized units of language use ... I will view utterances as units of language production (whether spoken or written) that are inherently contextualized..." (1994:39-41)

Bahasa menurut Sato Hirobumi (1997) dapat dikaji berdasarkan bentuk (*form*) dan fungsi (*function*). Dari segi bentuk, bahasa boleh diibaratkan sebagai himpunan ayat yang tiada had bilangannya yang berperanan untuk mengungkap apa yang terlintas dalam fikiran manusia. Dari segi fungsi pula, bahasa bertindak sebagai alat interaksi sosial yang matlamat akhirnya adalah komunikasi.¹ Dengan ini, kajian tentang wacana boleh diandaikan sebagai disiplin yang mengkaji hubungan di antara bentuk dan fungsi bahasa sebagaimana yang diperakukan oleh Renkema (1993:1) seperti berikut:

"Discourse studies is the discipline devoted to the investigation of the relationship between form and function ..."

Wacana pada lazimnya didefinisikan berdasarkan dua paradigma tadi iaitu paradigma formal atau struktural yang melihat wacana sebagai sistem yang berautonomi dan paradigma fungsional yang melihat wacana dari segi fungsi sosial.²

2.2.1 Definisi Struktural

Aliran Struktural melihat bahasa sebagai fenomena mental yang boleh ditafsirkan secara *arithmetic*. Ini seterusnya mempengaruhi tafsiran terhadap wacana. Pada umumnya, wacana mengikut definisi struktural adalah "*language above the sentence or above the clause.*"³ Wacana dilihat sebagai tingkatan bahasa yang paling tinggi dan paling luas yang melebihi batas ayat, klausa dan apa sahaja unit dalam teks.

Zellig Harris (1952) yang merupakan ahli linguistik pertama yang menggunakan istilah "analisis wacana" menyatakan dengan jelas bahawa wacana adalah tingkatan yang berikutnya dalam hirarki morfem, klausa dan ayat. Tambah beliau lagi, apa yang membezakan di antara wacana dan susunan ayat secara rawak ialah wacana mempunyai struktur yang tersendiri.⁴

Wacana adalah kesatuan bahasa yang harus melebihi batas fonologi, morfologi dan sintaksis seperti yang dinyatakan oleh Harimurti (1978:507) seperti berikut:

"Satuan bahasa yang lengkap bukanlah kata atau kalimat sebagaimana yang dianggap oleh beberapa kalangan dewasa ini, melainkan wacana. Oleh sebab itu penyelidikan dan deskripsi sintaksis tidak boleh dibatasi pada satuan kalimat, melainkan harus dilanjutkan ke satuan-satuan yang lebih besar seperti dialog, paragraf, bab dan seterusnya sampai ke wacana."

Pandangan Harimurti itu diperkuuhkan lagi melalui definisi wacana yang dikemukakan oleh Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam (1985:218) seperti berikut:

"Wacana adalah unit bahasa yang melebihi batas ayat, kerana itu ia boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraian, bab, buku, cerita, dialog, siri buku dan sebagainya yang di dalamnya memperlihatkan hubungan-hubungan dan perkembangan fikiran yang berurutan."

Ismail Salleh (1993) menggambarkan kedudukan wacana yang berada paling atas dalam tatatingkat bahasa dan tatabahasa serta lebih tinggi daripada unit sintaksis seperti berikut:

Rajah 2: Tingkatan unsur-unsur linguistik



2.2.2 Definisi Fungsional

Aliran Fungsional melihat bahasa sebagai fenomena kemasyarakatan yang berasaskan kepada dua prinsip umum. Pertama, bahasa mempunyai fungsi di luar sistem linguistik dan kedua, fungsi luaran bahasa mempengaruhi sistem dalaman linguistik.⁶ Labov (1978) menekankan betapa perlunya bahasa dikaji dalam konteks sosialnya kerana bahasa itu sendiri

merupakan tingkah laku kemasyarakatan. Ini berdasarkan pernyataan Labov seperti berikut:

"Language is a form of social behavior: statements to this effect can be found in any introductory text. Children raised in isolation do not use language; it is used by human beings in a social context, communicating their needs, ideas and emotions to one another." (1978:183)

Halliday (1978) juga mengiktiraf bahasa sebagai produk sosial yang membolehkan seseorang mengetahui unsur-unsur sekelilingnya melalui bahasa. Ini berdasarkan pernyataan beliau seperti berikut:

"Language is a social fact ... language is a product of the social process. A child learning language is at the same time learning other things through language, building up a picture of the reality that is around him and inside him." (1978:1)

Kajian terhadap wacana tidak seharusnya bertumpu kepada teori-teori tatabahasa yang bersifat abstrak tetapi mestilah menganalisis penggunaan bahasa yang sebenar dalam konteks sosial. Ini ditegaskan oleh van Dijk dan Kintsch (1983:2) seperti berikut:

"... language studies should not be restricted to the grammatical analysis of abstract or ideal language systems, but, rather, that actual language use in the social context should be the empirical object of linguistic theories."

Pada umumnya, wacana mengikut definisi fungsional adalah "*the analysis of language in use.*"⁷ Wacana bukanlah unit sintaksis atau tatabahasa seperti klausa dan ayat. Ia juga bukan berfungsi sekadar menghimpunkan ayat-ayat untuk menjadi teks. Wacana dilihat sebagai apa sahaja penggunaan bahasa yang sebenar dalam konteks kehidupan

nasyarakat yang sebenar tanpa mengambilira saiznya yang panjang atau pendek. Ia boleh dianggap sebagai *super-sentence* yang lebih besar daripada unit-unit tatabahasa lain yang berada di bawahnya. Hal ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:1-2) seperti berikut:

"A text is a unit of language in use. It is not a grammatical unit, like a clause or a sentence; and it is not defined by its size. A text is sometimes envisaged to be some kind of super-sentence, a grammatical unit that is larger than a sentence but is related to a sentence in the same way that a sentence is related to a clause..."

Oleh yang demikian, perkataan wacana (*text* atau *discourse*) dalam linguistik menurut Halliday dan Hasan membawa maksud yang sangat luas sebagaimana yang dinyatakan oleh mereka seperti berikut:

"The word TEXT is used in linguistics to refer to any passage, spoken or written, of whatever length, that does form a unified whole ... A text may be spoken or written, prose or verse, dialogue or monologue. It may be anything from a single proverb to a whole play, from a momentary cry for help to an all-day discussion on a committee." (1976:1)

Halliday dan Hasan (1976) berpendapat bahawa wacana sebaik-baiknya dianggap sebagai unit semantik iaitu unit yang berdasarkan makna dan bukannya unit tatabahasa yang berdasarkan bentuk. Wacana tidak boleh dikatakan terdiri daripada ayat-ayat, tetapi ia boleh dimengertikan atau direalisasikan dalam bentuk ayat dan klausa. Ini adalah kerana, integrasi struktur yang terdapat dalam bahagian-bahagian wacana adalah tidak sama di antara satu bahagian dengan yang lain, tidak seperti struktur yang terdapat

dalam ayat dan klausa yang sentiasa tidak berubah.⁸ Halliday dan Hasan (1976:293) menyatakan:

"A text is best thought of not as a grammatical unit at all, but rather as a unit of a different kind: a semantic unit. The unity that it has is a unity of meaning in context, a texture that expresses the fact that it relates as a whole to the environment in which it is placed. Being a semantic unit, a text is REALIZED in the form of sentences, and this is how the relation of text to sentence can best be interpreted.

Sebagai unit semantik, wacana tidak terikat dengan struktur-struktur tertentu. Wacana tidak mempunyai had minimum atau maksimum dari segi kepanjangannya. Wacana boleh terdiri daripada notis yang ringkas, tajuk, slogan, iklan dan sebagainya hingga kepada yang lebih panjang seperti buku, novel, khutbah, ucapan, mesyuarat, kuliah pengajaran dan seterusnya. Bahkan beberapa wacana yang popular hanya terdiri daripada kurang satu ayat dari segi struktur nahuannya.

Wacana digunakan sebagai wasilah untuk menjaya dan merealisasikan maksud komunikasi tertentu dan ia ditentukan oleh faktor sosial dan budaya. Ia sebagaimana menurut van Dijk dan Kintsch (1983:6) "*is not merely a cognitive event, but also a social event*". Ini bermakna ia merangkumi unsur-unsur dalam sistem bahasa dan di luar sistem bahasa sebagaimana yang dinyatakan oleh Asmah Hj. Omar (1984:62) seperti berikut:

"Yang dimaksudkan dengan wacana ialah keseluruhan penglahiran bahasa oleh penutur atau penulis, dan yang dimaksudkan "keseluruhan penglahiran bahasa" itu ialah penglahiran sistem bahasa dan juga penglahiran unsur-unsur yang luar daripada sistem bahasa yang menyumbang ke

arah menjadikan pertuturan atau tulisan yang berkenaan sebagai sesuatu yang bermakna dalam berkomunikasi.”

Pendapat yang serupa yang menekankan hubungan di antara bahasa dan konteks turut diutarakan oleh Khathijah Abdul Hamid (1996) seperti berikut:

“Wacana ialah kesatuan bahasa yang lengkap dan paling tinggi dalam bentuk pertuturan dan penulisan yang memperlihatkan kesinambungan fikiran di dalamnya dan merujuk kepada komunikasi dalam konteks.”⁹

2.2.3 Kriteria-kriteria Ketekstualan Wacana

Sesuatu wacana yang benar-benar komunikatif mestilah menampakkan pertalian (*connection*) di antara bahagian-bahagiannya. Apa yang dimaksudkan dengan pertalian adalah ciri-ciri ketekstualan yang perlu ada dalam bahagian-bahagian teks bagi melayakkannya diiktiraf sebagai wacana. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:2) seperti berikut:

“A text has texture, and this is what distinguishes it from something that is not a text.”

Dalam definisi wacana yang dikemukakan oleh Beaugrande dan Dressler (1981) ada dinyatakan tentang betapa perlunya ukuran ketekstualan bagi menentukan tahap komunikatif sesuatu teks. Teks yang tidak memenuhi piawaian ketekstualan tertentu tidak boleh dinyatakan sebagai wacana. Hal ini

terkandung dengan jelas dalam pernyataan Beaugrande dan Dressler seperti berikut:

"A TEXT will be defined as a COMMUNICATIVE OCCURRENCE which meets seven standards of TEXTUALITY. If any of these standards is not considered to have been satisfied, the text will not be communicative. Hence, non-communicative texts are treated as non-texts." (1981:3)

Tujuh piawaian ketekstualan yang diberikan oleh Beaugrande dan Dressler ialah *cohesion*, *coherence*, *intentionality*, *acceptability*, *informativity*, *situationality* dan *intertextuality*.¹⁰ Renkema (1993) turut menyenaraikan piawaian ketekstualan sepetimana yang dikemukakan oleh Beaugrande dan Dressler.¹¹ Dalam bahagian ini, akan dinyatakan takrifan ringkas tentang kriteria atau piawaian ketekstualan yang dinyatakan tadi.

1- Kohesi (*cohesion*)

Kohesi merujuk kepada hubungan yang wujud di antara unsur-unsur dalam sesuatu teks. Hubungan berkenaan terhasil apabila interpretasi terhadap sesuatu unsur bergantung kepada unsur yang lain.

2- Koheren (*coherence*)

Koheren merujuk kepada hubungan di antara teks dengan pengetahuan di luar teks yang diandaikan dimiliki oleh pendengar atau pembaca.

3- Intensionaliti (*intentionality*)

Intensionaliti bermaksud penutur atau penulis mesti mempunyai niat untuk mencapai matlamat-matlamat yang spesifik daripada wacana yang dihasilkan seperti menyampaikan maklumat, memberi pandangan, menyatakan hujah dan sebagainya.

4- Keterterimaan (*acceptability*)

Keterterimaan bermakna ayat-ayat yang dihasilkan dalam sesbuah wacana mestilah dirasakan logik oleh pendengar atau pembaca.

5- Informativiti (*informativity*)

Informativiti bermaksud setiap wacana yang dihasilkan mesti mengandungi maklumat yang baru. Sekiranya pendengar atau pembaca mengetahui setiap maklumat yang terkandung dalam wacana ataupun tidak memahami kandungan teks keseluruhannya, maka ia tidak boleh dianggap sebagai wacana.

6- Situasionaliti (*situationality*)

Situasionaliti memerlukan setiap teks mengambilkira persekitaran atau budaya di sekeliling sebelum menghasilkan ayat-ayat.

7- Intertekstualiti (*intertextuality*)

Intertekstualiti memerlukan setiap rangkaian ayat-ayat dihubungkan dengan rangkaian ayat-ayat yang lain sama ada melalui bentuk atau makna.

Renkema (1993) menyatakan bahawa tidak semua kriteria ketekstualan tersebut tadi mempunyai kepentingan yang sama. Akan tetapi beliau menekankan bahawa kriteria yang pertama iaitu kohesi adalah yang paling perlu diberi penekanan. Ini berdasarkan pengakuan beliau seperti berikut:

"In discourse studies much attention has been paid to the first criterion for textuality: 'cohesion', the apparent connections in discourse." (1993:37)

2.2.4 Wacana Lisan dan Tulisan

Istilah wacana digunakan untuk menggambarkan semua bentuk komunikasi lisan dan tulisan. Apa sahaja penghasilan bahasa oleh manusia adalah dianggap sebagai wacana asalkan ia berfungsi dalam konteks tertentu. Halliday dan Hasan (1976:293) menyatakan:

"Any piece of language that is operational, functioning as a unity in some context of situation, constitutes a text. It may be spoken or written ..."

Walau bagaimanapun terdapat beberapa perbezaan utama di antara wacana lisan dan tulisan. Chafe (1982) menyatakan terdapat dua perkara yang membezakan di antara wacana tulisan dengan interaksi verbal. Pertama, penulisan mengambil masa yang lebih panjang daripada pertuturan

dan kedua, penulis tidak berkontak secara langsung atau tidak berhadapan dengan pembaca.¹²

Perlu dinyatakan bahawa wacana lisan (*spoken discourse*) dan wacana tulisan (*written discourse*) mempunyai permintaan dan kepentingan tertentu di kalangan pengkaji bahasa berdasarkan kepada objektif kajian dan kaedah analisis. Brown dan Yule (1983) menyatakan beberapa ciri fizikal umum yang membezakan cara penghasilan kedua-dua wacana ini seperti berikut:

- 1- Dalam wacana pertuturan, penutur mengawasi ayat-ayat yang diujarkan berdasarkan kesesuaian permintaan dan suasana pendengar. Ketika mengujarkan ayat, penutur perlu mengingati apa yang baru diujarkan dan kesesuaian ujaran tersebut dengan maksud yang hendak disampaikan. Dalam masa yang sama, penutur membuat perancangan terhadap ayat-ayat yang akan diujarkan dengan mengambil kira persembahannya dan penerimaan pendengar.
- 2- Sebaliknya, dalam wacana penulisan, penulis dapat melihat dan membaiki semula ayat-ayat yang ditulis tanpa bimbang terhadap kritikan interlokutornya. Penulis mempunyai masa untuk memilih perkataan-perkataan yang sesuai dengan merujuk kepada kamus, memeriksa kemajuan penulisannya, menilai semula penulisannya dan boleh mengubah semula kandungan maksud yang hendak disampaikan.
- 3- Dalam wacana tulisan, penulis tidak dapat merealisasikan unsur-unsur paralinguistik seperti raut wajah, posisi badan, gerak isyarat dan kesan suara dalam teks. Ini berbeza dalam wacana pertuturan di mana penutur dapat menjiwai kesan setiap perkataan yang diujarkan.

- 4- Penutur menghadapi tekanan (*pressure*) untuk menyempurnakan wacana dalam tempoh yang ditetapkan dan ujarannya didengari secara langsung oleh interlokutornya. Ini berbeza dengan penulis yang mempunyai banyak masa untuk melengkapkan wacananya.
- 5- Penutur berhadapan secara langsung dan mengenali lebih dekat interlokutornya. Oleh itu, ia boleh mengubahsuai dan menukar wacana supaya lebih sesuai dan lebih diterima oleh pendengar. Penulis tidak mempunyai jalan masuk (*access*) untuk memberikan reaksi segera kepada pembacanya. Apa yang boleh dilakukan olehnya ialah dengan membuat imaginasi terhadap reaksi pembaca tatkala membaca wacana yang ditulisnya.¹³

Istilah yang sesuai digunakan untuk menggambarkan bahasa pertuturan ialah ujaran (*utterance*), manakala ayat (*sentence*) menggambarkan bahasa penulisan. Ini di nyatakan oleh Brown dan Yule (1983:19) seperti berikut:

“... we can say, in a fairly non-technical way, that utterances are spoken and sentences are written ...”

2.2.5 Wacana dan Konteks

Dalam analisis wacana, makna sesebuah wacana amat bergantung kepada konteks. Teks dan konteks saling lengkap melengkapi. Hanya dengan melihat kepada konteks barulah teks dapat diberikan maksudnya. Sejak awal tahun 70 an, sarjana-sarjana linguistik mula menyedari tentang kepentingan

konteks dalam interpretasi ayat.¹⁴ J.R. Firth yang mendapat inspirasi daripada Malinowski merupakan sarjana pertama yang tidak sekadar memasukkan kata-kata pengajaran ke dalam konteks, tetapi faktor-faktor seperti pergerakan muka, gerak isyarat, gerak tubuh, keadaan peserta atau individu yang hadir dan suasana persekitaran semasa penghasilan wacana.¹⁵ Hymes (1972) berpendapat bahawa untuk memahami wacana haruslah dimulakan dengan memahami konteks. Ini terkandung dalam pernyataan beliau yang dipetik daripada Kramsch (1993:34) yang berbunyi:

“The key to understanding language in context is to start not with language, but with context.”

Sebenarnya, apa sahaja pendekatan analitik dalam linguistik yang melibatkan pertimbangan-pertimbangan konteks adalah termasuk dalam bidang kajian pragmatik. Justeru itu, apabila kita mengkaji analisis wacana bermakna kita memberikan keutamaan kepada pragmatik iaitu menggunakan pendekatan pragmatik untuk memahami penggunaan bahasa yang sebenar. Analisis wacana mengambilkira hubungan wacana dengan konteksnya bagi menghasilkan wacana yang benar-benar interaktif. Wacana mestilah sentiasa mencerminkan konteks yang ditakrif sebagai “*a form of knowledge of the world.*”¹⁶ Pengetahuan yang dimaksudkan di sini bukanlah pengetahuan linguistik iaitu pengetahuan menggunakan bahasa dengan betul, akan tetapi adalah pengetahuan terhadap persekitaran dan situasi penerima wacana sama ada pendengar mahupun pembaca.

Terdapat sesetengah elemen linguistik yang memerlukan secara langsung maklumat konteks untuk interpretasi makna wacana. Umpamanya

bentuk-bentuk deiksis (*deictic forms*) seperti هُنَّا, هُنْكَار, هُنْكَلْ, هُنْكَلْتَ dan

sebagainya. Untuk menginterpretasi bentuk-bentuk deiksis ini dalam sesebuah wacana, sekurang-kurangnya perlu diketahui siapakah penyampai dan penerima serta tempat dan waktu wacana tersebut dihasilkan. Makna yang diberikan kepada ayat-ayat dalam wacana hendaklah mengikut konteks. Makna mengikut konteks seperti yang dinyatakan oleh Berry (1995:119-120) adalah seperti berikut:

“Makna mengikut konteks ialah hubungan antara butir atau pola yang formal dan unsur situasi; iaitu antara unsur atau pola yang formal dan sesuatu yang berada di luar bahasa itu sendiri, iaitu sesuatu yang dipunyai oleh dunia sekeliling.”

Wacana dan konteks saling berhubungan di antara satu sama lain. Ini adalah kerana sesuatu ujaran atau tulisan itu dihasilkan berdasarkan keperluan yang melatari situasi interaksi tertentu. Manakala konteks pula membantu pemahaman terhadap wacana yang dihasilkan. Pemilihan perkataan dan pola ayat dalam wacana juga dibatasi dan ditentukan oleh konteks penggunaan bahasa. Ini digambarkan oleh Halliday (1978:3) seperti berikut:

“The context plays a part in determining what we say; and what we say plays a part in determining the context.”

Wacana atau teks merupakan konstituen bagi konteks. Oleh itu, pemahaman terhadap konteks menjadi sempurna dengan menggunakan wacana. Ini dinyatakan oleh J.R. Firth yang dipetik daripada Lyons (1994: 174) seperti berikut:

“The basic assumption ... is that any text can be regarded as a constituent of a context of situation”

Wacana yang dihasilkan tanpa melihat kepada konteksnya tidak mungkin bertepatan dengan kehendak interaksi tertentu dan ini akan menyebabkan mesej yang dibawanya tidak sempurna atau mungkin disalahtafsir. Walaupun ia mungkin tepat dari segi struktur nahuan, akan tetapi susunan makna yang disampaikan terpesong daripada keperluan wacana tertentu. Sato Hirobumi (1997:16) menyatakan:

"Apabila diperhatikan suatu struktur yang dipisahkan daripada konteks wacana, didapati bahawa struktur nahuan itu tidak selalu menyatakan maksud ujaran dengan tepat walaupun struktur itu sendiri mempunyai makna struktural di dalamnya."

Makna sesuatu ujaran atau tulisan adalah dicetus daripada konteks penghasilannya. Orientasi wacana akan berubah apabila berlaku perubahan kepada konteks. Ini bermakna wacana yang serupa boleh membawa orientasi yang berbeza-beza melalui perubahan konteks yang melatarinya. Fillmore (1977) yang di petik daripada Brown dan Yule (1983:35) berkata:

"The task is to determine what we can know about the meaning and context of an utterance given only the knowledge that the utterance has occurred ... I find that whenever I notice some sentence in context, I immediately find myself asking what the effect would have been if the context had been slightly different."

Cook (1994) berpendapat bahawa istilah konteks boleh digunakan dalam pengertian yang sempit dan luas. Konteks dalam maksud yang sempit merujuk kepada pengetahuan atau faktor-faktor di luar teks yang berada dalam kawalan seseorang. Manakala konteks dalam maksud yang lebih luas merujuk kepada pengetahuan terhadap perkara-perkara berikut:

- i- ko-teks
- ii- ciri-ciri paralinguistik
- iii- teks atau wacana yang lain
- iv- situasi fizikal
- v- situasi sosial dan budaya
- vi- interlokutor dan skemata iaitu pengetahuan terhadap pengetahuan yang dimiliki oleh orang lain.¹⁷

Penarafan kepada sesuatu himpunan ayat-ayat sama ada sebagai teks atau bukan teks hanya boleh dilakukan apabila konteksnya diketahui dengan jelas. Kita tidak boleh menghukum sesuatu susunan ayat-ayat sebagai bukan teks hanya semata-mata kita berasa terdapat sedikit kejanganan pada perkaitan semantiknya, walhal mungkin perkaitan semantik sedemikian direka bagi memenuhi keperluan konteks dan sasaran pendengar atau pembaca pada masa itu. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:20) seperti berikut:

“We do not, in fact, evaluate any specimen of language - and deciding whether it does or does not constitute text is a prerequisite to any further evaluation of it – without knowing something about its context of situation.”

2.3 Konsep Kohesi

Kohesi merupakan konsep yang lahir daripada konsep wacana. Ia mula diperkenalkan apabila Halliday dan Hasan (1976) memajukan teori

tentang bagaimana pendengar atau pembaca memahami perkaitan antara beberapa bahagian dalam ujaran atau teks. Kohesi berperanan mewujudkan ketekstualan kepada teks bagi melayakkannya diiktiraf sebagai wacana. Perlu dinyatakan bahawa kohesi bukanlah satu-satunya syarat untuk menghasilkan sebuah wacana kerana terdapat syarat-syarat lain seperti yang telah dinyatakan dalam bahagian 2.2.3. Akan tetapi kewujudan kohesi menjadi wajib dalam semua teks yang bertaraf wacana jika dibandingkan dengan syarat-syarat yang lain kerana ia menghasilkan kesinambungan di antara satu segmen dengan segmen yang lain dalam wacana. Halliday dan Hasan (1976:299) menyatakan:

“Cohesion expresses the continuity that exists between one part of the text and another. It is important to stress that continuity is not the whole of texture ... the continuity adds a further element that must be present in order for the discourse to come to life as text.”

Semua ayat yang terkandung dalam teks melainkan ayat yang pertama mengandungi hubungan kohesi dengan ayat-ayat yang sebelum dan selepasnya. Adalah tidak mungkin satu ayat yang berada di tengah-tengah teks dapat ditafsirkan maknanya dengan tepat tanpa merujuk kepada sekurang-kurangnya ayat yang sebelumnya. Hal ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:293) seperti berikut:

“Typically, in any text, every sentence except the first exhibits some form of cohesion with a preceding sentence, usually with the one immediately preceding.”

2.3.1 Definisi Kohesi

Kohesi adalah konsep wacana yang berasaskan semantik yang merujuk kepada hubungan makna yang wujud dalam sesuatu teks bagi membolehkannya dinamakan sebagai wacana. Ia adalah hubungan dua atau lebih unsur dalam sesuatu teks. Ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:8) seperti berikut:

“Cohesion is a semantic relation between an element in the text and some other element that is crucial to the interpretation of it.”

Dengan lain perkataan, kohesi cuba menerangkan bagaimana ayat-ayat dihubungkan di antara satu sama lain untuk membentuk teks sebagaimana yang dinyatakan oleh Yowell (1988)¹⁸ seperti berikut:

“Cohesion addresses itself to the question of how sentences are tied up together to form a text. It studies such things as the nature of cohesive elements, whether they are semantic or syntactic...”

Menurut Halliday dan Hasan (1976), kohesi terhasil apabila interpretasi terhadap sesuatu unsur yang terdapat dalam wacana terikat kepada interpretasi unsur yang lain. Satu unsur bahasa membayangkan makna unsur yang lain dalam keadaan unsur tersebut sukar difahami dengan jelas melainkan dengan bantuan unsur sebelumnya. Oleh yang demikian, hubungan kohesi berlaku di antara dua unsur iaitu unsur yang membayangkan (*presupposing*) dan unsur yang dibayangkan (*presupposed*) bagi membolehkan kedua-duanya disatukan dalam sebuah wacana.¹⁹

Perhatikan contoh teks berita berikut yang dipetik daripada BBC Arabic Online:²⁰

[2.1]

قالَ مَحَاضِرٌ مُحَمَّدٌ إِنَّ بِلَادَهُ مُسْتَعِدَةً لِقِيَادَةِ قُوَّاتِ الْأَمْمَّ الْمُتَحَدَّةِ لِحِفْظِ السَّلَامِ فِي إِقْلِيمِ تِيمُورِ الشَّرْقِيَّةِ. (1) وَقَالَ رَئِيسُ الْوُزَّارَاءِ الْمَالِيْزِيِّ فِي مُقَابَلَةٍ أَخْرَجَهَا مَعَهُ وِكَالَّةُ رَوْبِرْتُ لِلْأَبْتَاءِ إِنَّ لِمَالِيْزِيَا خَبِيرَةٌ كَافِيَّةٌ لِوَهْلُهَا لِقِيَادَةِ الإِدَارَةِ الْإِتِيقَالِيَّةِ الَّتِي سُشَكَّلَهَا الْأَمْمُ الْمُتَحَدَّةُ لِتَسْتَلِمَ زِمَانَ الْأَمْسِرِ مِنْ قُوَّاتِ التَّدْخُلِ مُتَعَدِّدَةِ الْجِنْسِيَّاتِ فِي تِيمُورِ الشَّرْقِيَّةِ. (2) إِلَّا أَنَّ الرَّاعِيَمِ الْإِسْتِقْلَالِيِّ فِي تِيمُورِ الشَّرْقِيَّةِ حُوزِيْهِ رَامُوسُ هُورُنَا قَالَ إِنَّ سُكَّانَ الإِقْلِيمِ لَنْ يَقْبُلُوا قِيَادَةَ أَيِّ مِنْ دُولٍ رَابِطَةٍ جَنُوبِ شَرْقِ آسِيَا الْمَعْرُوفَةِ بِآسِيَانِ. (3)

Teks [2.1] di atas mempunyai tiga ayat yang dihubungkan secara semantik di antara satu sama lain bagi membentuk sebuah wacana. Maksud dihubungkan secara semantik ialah semua bahagian teks tersebut menyumbang kepada makna keseluruhan wacana dan mempunyai ciri kesinambungan. Bahagian-bahagian dalam teks berkohesi di antara satu sama lain bagi menghasilkan wacana. Kohesi yang terdapat dalam teks [2.1] terbentuk sama ada di antara satu unsur dengan unsur yang lain dalam ayat yang sama ataupun dalam ayat-ayat yang berlainan. Interpretasi makna sesuatu unsur hanya diketahui dengan jelas apabila merujuk kepada makna unsur yang lain sama ada sebelum atau selepasnya. Setiap ayat kecuali ayat yang pertama dalam teks tersebut berkohesi dengan ayat-ayat sebelumnya. Ini adalah kerana, dalam setiap ayat terdapat satu atau lebih unsur yang

terikat interpretasinya kepada unsur-unsur yang terdapat dalam ayat yang sama ataupun ayat-ayat sebelum dan selepasnya.

Dalam ayat (1), ganti nama (الله) yang terdapat pada perkataan (بلاده)

terikat kepada interpretasi perkataan (محاضر محمد). Pembaca tidak dapat

memahami dengan jelas unsur ganti nama (الله) iaitu unsur yang membayangkan melainkan dengan merujuk kepada unsur kata nama (محاضر محمد) iaitu unsur yang dibayangkan yang terdapat sebelumnya.

Rujukan ganti nama (الله) kepada kata nama (محاضر محمد) yang terdapat sebelumnya dinamakan rujukan anafora.²¹ Rujukan anafora ini berfungsi menghasilkan hubungan kohesi di antara bahagian-bahagian dalam ayat selain struktur nahu ayat yang sedia ada.

Selain daripada kohesi dalam ayat, terdapat juga kohesi di antara ayat-ayat. Umpamanya dalam ayat (2), unsur (رئيس الوزراء الماليزي) terikat

kepada interpretasi kata nama (محاضر محمد) yang terdapat dalam ayat (1)

secara sinonim. Perkataan (مالزي) dalam ayat (2) dihubungkan dengan

perkataan (بلاد) dalam ayat (1) secara hiponim. Perkataan-perkataan (قوات),

(ئىمۇر الشرقىيە) dan (الأمم المتحدة) dalam ayat (2) dihubungkan dengan perkataan-

perkataan (تَيْمُورُ الشَّرْقِيَّةُ) dan (الْأَمْسِ الْمُتَحْدَةُ), (فُوَاتٌ) dalam ayat (1) secara pengulangan. Perkaitan sinonim, hiponim dan pengulangan di antara unsur-unsur tadi menghasilkan hubungan kohesi di antara kedua-dua ayat. Memandangkan tidak ada sebarang struktur nahu yang menghubungkan di antara kedua-dua ayat (tidak seperti hubungan kohesi dalam ayat), maka kohesi bertindak sebagai satu-satunya cara membina ketekstualan di antara ayat-ayat dalam wacana.²²

Jenis-jenis kohesi lain yang berada dalam ayat (2) adalah seperti rujukan anafora ḍamīr bāriz muttasil yang terdapat pada perkataan-perkataan (آخرِهَا) (أَخْرَهُنَّا) dan (شَكَلُهَا) (شَكَلُهُنَّا). Ganti nama (هُنَّا) pada (مُقَابِلَةٍ) (مُقَابِلَةٍ) dihubungkan dengan (مُعَنِّيَّةٍ) (مُعَنِّيَّةٍ) pada (هُنَّا) (هُنَّا) dihubungkan dengan (مَالِيَّةٍ) (مَالِيَّةٍ) dan (رَئِيسُ الْوُزَّارَاءِ الْمَالِيَّيِّ) (رَئِيسُ الْوُزَّارَاءِ الْمَالِيَّيِّ) pada (سُتُّشَكَلَهَا) (الإِدَارَةِ الْإِتِّقَالِيَّةِ) (الإِدَارَةِ الْإِتِّقَالِيَّةِ). Selain itu, terdapat juga kohesi leksikal pengulangan di antara perkataan (مَالِيَّيِّ) (مَالِيَّيِّ) dan (الْمَالِيَّيِّ) (الْمَالِيَّيِّ) di awal ayat (2) kohesi konjungsi huruf al-'atf yang terdapat pada unsur (وْ) dan sebagainya.

Begitulah seterusnya dengan ayat (3) dalam teks [2.1]. Setiap ayat mesti mempunyai sekurang-kurangnya satu unsur yang mempunyai perkaitan kohesi dengan unsur yang lain sama ada unsur yang lain itu daripada ayat yang sama mahupun daripada ayat yang berlainan. Perkaitan kohesi ini

membantu ayat-ayat bergabung secara semantik bagi membina wacana yang tekstual.

Untuk menggambarkan satu jenis kohesi yang menghubungkan di antara dua unsur, maka istilah *tie* digunakan. Dalam hal ini, sesuatu teks boleh dideskripsikan mengikut jenis dan bilangan *tie* yang terkandung di dalamnya. Ini dijelaskan oleh Halliday dan Hasan (1976:4) seperti berikut:

“The concept of a tie makes it possible to analyse a text in terms of its cohesive properties, and give a systematic account of its patterns of texture.”

Umpamanya dalam teks [2.1], kohesi leksikal sinonim di antara (مَحَاضِرُ مُحَمَّدٍ) yang terdapat dalam ayat (2) dan kata nama (رَئِيسُ الْوُزَّارَاءِ الْمَالِيِّيِّ) dalam ayat (1) dianggap sebagai satu *tie*. Kohesi leksikal hiponim di antara (مَالِيِّيَّا) dalam ayat (2) dan perkataan (بِلَادِ) dalam ayat (1) dinamakan satu *tie*.

Kohesi leksikal pengulangan di antara perkataan-perkataan (فُرُّواتٌ)، (قُوَّاتٌ) dalam ayat (2) dan perkataan-perkataan (الْأَمْمُ الْمُتَجَهِّدةُ)، (قُوَّاتٌ) yang sama dalam ayat (1) serta pengulangan di antara perkataan (الْمَالِيِّيَّا) dan (مَالِيِّيَّا), kedua-duanya dalam ayat yang sama iaitu ayat (2) juga dianggap sebagai satu jenis *tie* yang lain dengan kekerapan sebanyak empat kali. Kohesi konjungsi huruf al-'atf yang terdapat pada unsur (وْ) di awal ayat (2) juga dianggap sebagai satu *tie*. Manakala empat kohesi rujukan anafora *dāmir bāriz muttasil* yang terdapat pada

perkataan-perkataan (سُتْشَكِلُهَا) dan (تُزَمِّلُهَا) (أَخْرَجَهَا), (مَقْعَدَهَا) dalam ayat (2)

dianggap sebagai satu tie dengan kekerapan sebanyak empat kali.

Halliday dan Hasan (1976) berpendapat bahawa kohesi mengandungi apa yang dinamakan sebagai konsep perkaitan (*relational concept*). Kohesi tidak hanya terjadi dengan wujudnya unsur-unsur bahasa tertentu yang dianggap mempunyai nilai kohesif dalam teks tanpa ada pertalian dengan unsur-unsur bahasa yang lain. Sebaliknya kohesi merupakan perkaitan di antara satu perkara dengan perkara yang lain. Kohesi terjadi apabila interpretasi terhadap sesuatu unsur dalam sesbuah wacana memerlukan rujukan terhadap mana-mana unsur atau bahagian dalam wacana yang sama. Rujukan inilah yang mengaitkan bahagian wacana yang hendak diinterpretasi dengan bahagian-bahagian wacana yang lain. Ini dijelaskan oleh Halliday dan Hasan (1976:11) seperti berikut:

"But there is one specific kind of meaning relation that is critical for the creation of texture: that in which ONE ELEMENT IS INTERPRETED BY REFERENCE TO ANOTHER. What cohesion has to do with is the way in which the meaning of the elements is interpreted. Where the interpretation of any item in the discourse requires making reference to some other item in the discourse, there is cohesion."

Perhatikan contoh berikut yang dipetik daripada majalah Al-Ālam:²³

[2.2]

أَعْلَنَتِ الْمُلْكَةُ الْعَرَبِيَّةُ السُّعُودِيَّةُ أَنَّ الْيَوْمَ السَّبْتَ الْمُوَافِقَ ٢٢ حَزَّارَانَ

(يُولِيو) ١٩٩١ هُوَ أَوَّلُ أَيَّامِ عِيدِ الْأَضْحَى. (١) حَفَّهُ اللَّهُ مُبَارَكًا عَلَى

الْأَمَّةِ الْإِسْلَامِيَّةِ جَمِيعًا. (٢)

Teks [2.2] di atas mengandungi dua ayat yang dikaitkan secara kohesi bagi membina sebuah wacana. Masalah akan timbul jika pembaca hanya diberikan ayat kedua sahaja tanpa ayat yang pertama iaitu:

حَمْلَةُ اللَّهِ مُبَارَكًا عَلَى الْأُمَّةِ إِسْلَامِيَّةٍ جَمِيعَهُ (2).

Kita boleh mengetahui apa yang ingin disampaikan oleh ayat (2) di atas berdasarkan pemahaman terhadap makna leksikal bagi setiap perkataan yang membina ayat tersebut. Akan tetapi, kita tidak dapat menginterpretasi maksud ayat (2) dengan tepat disebabkan kita tidak mengetahui apakah yang dimaksudkan oleh ganti nama (هُنَّا) pada perkataan (حَمْلَة). Untuk itu, kita mestilah melakukan rujukan terhadap mana-mana ayat dalam wacana yang sama. Dalam konteks ayat (2), rujukan hendaklah dilakukan kepada ayat (1) bagi memperolehi makna sebenar ganti nama tersebut. Melalui rujukan ini, maka dapat dinyatakan bahawa ayat (1) dan ayat (2) berkait di antara satu sama lain melalui hubungan kohesi.

Hal yang sama juga berlaku dalam contoh soal-jawab berikut yang dipetik daripada majalah Al-Syarq al-'Awsat:²⁴

[2.3]

هَلْ فَكَرْتَ وَلَوْ لِلْحُظْةِ بِالْفَوْزِ بِالْمَرْكَبِ الْأَوَّلِ ؟ (1)

لَقَدْ أَخْسَسْتَ بِذَلِكَ (2).

Ayat (2) dalam contoh [2.3] di atas hanya boleh difahami berdasarkan makna leksikal sahaja jika kita tidak melakukan rujukan kepada ayat (1). Apabila pemahaman ayat (2) dirujuk kepada ayat (1) barulah kita dapat memberikan interpretasi yang tepat kepada unsur kata nama penunjuk (ذلك).

yang menimbulkan ketaksaan dalam ayat (2). Unsur (ذلک) yang terdapat dalam ayat (2) dihubungkan secara rujukan anafora dengan unsur (النَّوْزِ بِالْمَرْكُبِ الْأُولِيِّ) dalam ayat (1). Rujukan ayat (2) kepada ayat (1) inilah yang membina perkaitan kohesi di antara kedua-dua ayat tadi dan ini seterusnya membina keutuhan wacana.

Beaugrande dan Dressler (1981) menyatakan bahawa kohesi menyediakan tahap sokongan bagi menjamin kestabilan teks melalui kesinambungan peristiwa (*continuity of occurrences*). Ini amat perlu kerana dalam teks terdapat peringkat-peringkat peristiwa yang berturutan di antara satu sama lain. Satu peringkat peristiwa menjadi instrumen untuk memahami beberapa peringkat peristiwa yang lain.²⁵

2.3.2 Kohesi dan Struktur

Seperti yang dinyatakan dalam bahagian 2.2.2 wacana bukanlah unit tatabahasa yang mempunyai struktur tertentu. Oleh itu, kohesi sebagai ciri utama ketekstualan wacana juga bukanlah perkaitan yang berdasarkan struktur yang tertentu. Kohesi juga tidak dibataskan oleh sempadan-sempadan ayat. Ini terdapat dalam pernyataan Halliday dan Hasan (1976:14) yang berbunyi:

"Cohesion as we have said is not a structural relation; hence it is unrestricted by sentence boundaries, and in its most normal form it is simply

the presupposition of something that has gone before, whether in the preceding sentence or not."

Struktur yang sebenarnya terdapat dalam wacana adalah perkaitan di antara bahagian-bahagian dalam teks seperti ayat-ayat, perenggan-perenggan dan bab-bab. Struktur dalam wacana mempunyai ciri *flexibility* yang tidak mempunyai bentuk-bentuk tertentu dan lebih bertunjangkan mesej yang hendak disampaikan. Justeru itu, struktur dalam wacana sukar untuk dijelaskan. Ini tidak sama dengan makna struktur dalam ayat dan klausa yang biasa difahami dalam konteks nahu.

Bahagian-bahagian ayat dan klausa berkohesi di antara satu sama lain kerana ia mempunyai struktur nahuan tertentu. Oleh itu, bahagian-bahagian ayat dan klausa juga memperlihatkan ciri ketekstualan yang sama dengan ciri ketekstualan yang dipamerkan oleh bahagian-bahagian wacana. Kesepadan di antara fungsi struktur dalam konteks nahu dan fungsi struktur dalam konteks wacana dapat menghasilkan sebuah wacana yang utuh dan kohesif.

Halliday dan Hasan (1976:6-7) berkata:

"The parts of a sentence or a clause obviously 'cohere' with each other, by virtue of the structure. Hence they also display texture; the elements of any structure have, by definition, an internal unity which ensures that they all express part of a text ... All grammatical units – sentences, clauses, groups, words – are internally 'cohesive' simply because they are structured."

Perhatikan contoh berikut:

[2.4]

أَدْهَبُ إِلَى حَدِيقَةِ الْحَيَّاتِ مَعَ عَائِلَتِي. (1) مَارْجِرِيتْ تَائِشَرْ رَئِيسَةُ
وُزَّارَاءِ بِرِيطَانِيَا السَّابِقَةُ. (2) لَسْتَا فِي مَغْرِضِ الْكَلَامِ عَنْ هَذَا الْمَوْضُوعِ. (3)
لَا، لَمْ يَخْضُرْ زَيْدٌ فِي الْفَصْلِ. (4)

Contoh [2.4] di atas terdiri daripada empat ayat. Setiap ayat mempunyai hubungan kohesi di antara bahagian-bahagiannya, ditambah dengan struktur nahu yang telah sedia ada dalam ayat. Namun, ianya tidak mencukupi untuk kita mengatakan contoh di atas sebagai sebuah wacana. Ini adalah kerana ayat-ayat yang membina contoh [2.4] tidak mempunyai sebarang pertalian kohesi atau pertalian semantik di antara satu sama lain. Ini seterusnya tidak dapat menampilkkan ciri ketekstualan pada keseluruhan contoh [2.4] walaupun setiap ayat (1) hingga (4) memiliki ketekstualan masing-masing. Justeru itu, contoh [2.4] boleh dianggap hanya terdiri daripada koleksi atau himpunan ayat yang terasing di antara satu sama lain. Ini menjelaskan bahawa kohesi dalam ayat yang berasaskan struktur nahu tidak cukup untuk menghasilkan sebuah wacana kerana ia mesti disepadukan dengan kohesi di antara ayat-ayat yang berasaskan 'struktur' wacana.

Dalam kehidupan seharian, jarang sekali kita menggunakan wacana yang terdiri daripada satu ayat sahaja. Jika ini didapati, maka ciri kohesi dalam ayat dapat dideskripsi dengan mudah melalui struktur nahuan ayat tersebut. Pada kebiasaan wacana mempunyai lebih daripada satu ayat. Untuk menjelaskan perkaitan kohesi dalam bahagian-bahagian wacana tersebut, kita tidak boleh bergantung semata-mata kepada struktur nahuan

yang terdapat dalam ayat atau klausa, akan tetapi kita mestilah melihat struktur wacana yang berasaskan semantik di antara bahagian-bahagian dalam wacana iaitu di antara ayat dengan ayat, perenggan dengan perenggan dan seterusnya. Justeru itu, konsep kohesi yang dimaksudkan dalam wacana adalah kohesi yang bukan merujuk kepada struktur nahu semata-mata tetapi 'struktur' wacana. Ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:7) seperti berikut:

"Our use of the term COHESION refers specifically to these non-structural text-forming relations. They are, as we have suggested, semantic relations, and the text is a semantic unit."

Perbezaan di antara struktur wacana dan struktur nahu dapat digambarkan dalam jadual berikut:

Jadual 1: Perbezaan di antara struktur wacana dan struktur nahu

Struktur wacana	Struktur nahu
<ul style="list-style-type: none">- berasaskan semantik- tidak mempunyai bentuk yang tetap- tidak boleh dijelaskan- di antara ayat, perenggan dan bab- membina kohesi dalam wacana	<ul style="list-style-type: none">- berasaskan sintaksis- mempunyai bentuk yang tetap- boleh dijelaskan- dalam klausa dan ayat- membina kohesi dalam ayat dan klausa

2.3.2.1 Kohesi dalam Ayat

Seperti yang dinyatakan dalam bahagian 2.3.2 tadi bahawa kohesi juga boleh terdapat dalam ayat selain daripada terdapat di antara ayat-ayat. Kohesi dalam ayat lebih didominasi oleh kekuatan struktur nahu yang

membina ayat tersebut. Unsur-unsur dalam ayat telah diikat di antara satu sama lain oleh struktur nahu. Oleh itu, fungsi kohesi tidak diperlukan untuk mengikat unsur-unsur tersebut. Jika diperlukan sekalipun, ianya dianggap sebagai pengukuhan kerana fungsi berkenaan telahpun dilakukan oleh struktur nahu ayat. Ini bermakna dalam ayat, kohesi dan struktur nahu ayat memainkan peranan yang sama. Halliday dan Hasan (1976:7-8) menyatakan seperti berikut:

"Since cohesive relations are not concerned with structure, they may be found just as well within a sentence as between sentences. They attract less notice within a sentence, because of the cohesive strength of grammatical structure; since the sentence hangs together already, the cohesion is not needed in order to make it hang together. But the cohesive relations are there all the same."

Perhatikan contoh ayat berikut yang berupa satu soalan latihan yang dipetik daripada sebuah buku kaedah pengajaran bahasa Arab:²⁶

[2.5]

أَكْبُرْ فَقْرَةُ تَصِيفٍ فِيهَا أَحَدُ الْحَيَّانَاتِ وَتَوَظَّفُ الْأَوْصَافُ الْمَادِيَّةُ تَوْظِيفًا طَاغِيًّا.

Ayat dalam contoh [2.5] di atas dihasilkan mengikut struktur nahu yang telah ditetapkan. Setiap unsur dalam ayat berkenaan dikaitkan di antara satu sama lain berdasarkan struktur nahu. Umpamanya ganti nama yang terdapat pada (فِي) dihubungkan dengan perkataan (فَقْرَةٌ) secara nahuan. Begitu juga

penggunaan konjungsi huruf al-'atf (وْ) bagi menghubungkan dua bahagian dalam ayat. Susunan struktur dalam ayat [2.5] juga mematuhi susunan

struktur dalam kaedah sintaksis Arab. Oleh itu, struktur nahu ayat sudah memadai untuk mengikat unsur-unsur dalam ayat dan menjadikan ayat tersebut kohesif. Peranan kohesi memang ada dalam ayat [2.5], akan tetapi peranan tersebut telah lebih dahulu dimainkan oleh struktur nahu ayat. Dalam hal ini, kita dapat katakan bahawa kohesi dalam ayat memainkan peranan sebagai penambah dimensi kepada ketekstualan ayat.²⁷

Memandangkan ayat merupakan unit yang paling tinggi dalam struktur nahu, maka struktur nahu ayat juga mempunyai peranan dalam menentukan bagaimana kohesi dinyatakan dalam ayat. Ini bermakna kohesi dalam ayat tidak boleh dinyatakan secara bebas mengikut pertimbangan semantik semata-mata, tetapi ia mestilah mengikut struktur dalam ayat yang telah ditentukan. Ini berbeza dengan kohesi di antara ayat-ayat yang berada di luar batasan struktur nahu ayat dan hanya ditentukan semata-mata berdasarkan pertimbangan semantik. Ini jelas terdapat dalam pernyataan Halliday dan Hasan (1976:8) seperti berikut:

“However, there is a sense in which the sentence is a significant unit for cohesion precisely because it is the highest unit of grammatical structure: it tends to determine the way in which cohesion is EXPRESSED.”

Umpamanya kita tidak boleh menghasilkan ayat seperti berikut:

[2.6]

يُلْعِبُ عَمَرُ مَعَ أَصْدِقَاءِ عَمَرٍ

Kohesi leksikal pengulangan perkataan (عَمَرٍ) yang digunakan dalam ayat [2.6] adalah tidak sahih dari segi wacana. Seperti yang telah dikatakan

bahawa kohesi dalam ayat mesti mengikut struktur nahu ayat. Dalam konteks ayat [2.6], terdapat kaedah nahu tertentu (iaitu kaedah pronominal) yang menentukan bagaimana ayat [2.6] sewajarnya dihasilkan.

Perbezaan di antara kohesi dalam ayat dan kohesi antara ayat-ayat dapat digambarkan dalam jadual berikut:

Jadual 2: Perbezaan di antara kohesi dalam ayat dan kohesi antara ayat-ayat

Kohesi dalam ayat	Kohesi antara ayat-ayat
<ul style="list-style-type: none"> - terikat dengan struktur nahu - lokasi ditentukan oleh struktur nahu - kurang jelas kerana fungsi bertindan dengan struktur nahu ayat - berasaskan semantik dan struktur nahu 	<ul style="list-style-type: none"> - bebas daripada struktur nahu - lokasi bergantung kepada kesesuaian - lebih jelas kerana menjadi satu-satunya sumber ketekstualan teks - berasaskan semantik

2.3.2.2 Kohesi dalam Wacana

Kohesi dalam wacana merujuk kepada hubungan semantik yang wujud di antara bahagian-bahagian dalam wacana iaitu di antara ayat dengan ayat, perenggan dengan perenggan, bab dengan bab dan seterusnya. Perkaitan kohesi dalam wacana tidak dipengaruhi oleh struktur nahu yang tertentu sebaliknya kohesi dalam ayat, sebaliknya ia disesuaikan mengikut struktur wacana itu sendiri. Struktur wacana pula ialah struktur unit yang lebih tinggi dan luas daripada ayat seperti perenggan, episod, bab dan keseluruhan teks.

Hal ini dijelaskan oleh Halliday dan Hasan (1976:10) seperti berikut:

"Discourse structure is, as the name implies, a type of structure; the term is used to refer to the

structure of some postulated unit higher than the sentence, for example the paragraph, or some larger entity such as episode or topic unit."

Struktur yang terdapat dalam wacana tidak boleh ditentukan sebagaimana kita menentukan struktur dalam penghasilan sesuatu ayat. Kita tidak boleh menyenaraikan pola-pola ayat tertentu secara tetap untuk disusun menjadi pola atau struktur wacana sebagai kaedah pembinaan kohesi dalam wacana. Ini adalah kerana, walaupun ayat-ayat dibina dengan betul dalam wacana, ianya tidak semestinya menjamin pengaliran maklumat dengan licin. Apa yang boleh dilakukan ialah dengan memilih beberapa pola ayat daripada sejumlah pola ayat yang diterbitkan secara nahuan dalam sesuatu bahasa untuk disesuaikan dengan maklumat serta konteks sesuatu ujaran atau tulisan. Kemudian harus difikirkan beberapa kemungkinan yang terdapat dalam sistem linguistik untuk menghubungkan di antara pola-pola ayat yang dipilih tadi melalui perkaitan makna. Ini seterusnya dapat menjelaskan bagaimana ayat-ayat yang mempunyai struktur yang berasingan di antara satu sama lain dapat digabungkan melalui interpretasi-interpretasi semantik yang tertentu. Struktur wacana sebenarnya terhasil daripada pengaliran maklumat yang licin yang berupaya menghasilkan satuan semantik yang ditunjangi oleh kriteria-kriteria ketekstualan yang lain. Halliday dan Hasan (1976:10) menyatakan:

"... we cannot in the same way list a set of possible structures for a text, with sentence classes to fill the structural roles. Instead we have to show how sentences, which are structurally independent of one another, may be linked together through particular features of their interpretation; and it is for this that the concept of cohesion is required."

2.3.3 Kohesi dalam Sistem Linguistik

Halliday dan Hasan (1976) berpendapat bahawa terdapat tiga komponen utama makna fungsian (*functional-semantic components*) iaitu komponen alamiah (*ideational component*), komponen hubungan antara perseorangan (*interpersonal component*) dan komponen tekstual (*textual component*).²⁸ Wacana menurut Halliday dan Hasan berfungsi dalam tiga komponen makna fungsian. Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan secara ringkas tiga komponen utama ini dengan menjelaskan kedudukan kohesi yang terdapat di dalamnya.

1- Komponen Alamiah

Dalam komponen ini, bahasa berfungsi melahirkan pengalaman dan fikiran. Ia diterangkan oleh Halliday dan Hasan (1976:26) seperti berikut:

“The IDEATIONAL component is that part of the linguistic system which is concerned with the expression of ‘content’, with the function that language has of being ABOUT something.”

Komponen ini mempunyai dua bahagian iaitu *experiential* dan *logical*. Dalam bahagian pertama bahasa diungkap untuk menyatakan pengalaman atau menggambarkan konteks secara terus, manakala dalam bahagian kedua bahasa digunakan untuk menyatakan hubungan logik yang abstrak yang hanya difahami secara tidak langsung daripada pengalaman.

2- Komponen Hubungan antara Perseorangan

Dalam komponen ini, bahasa berfungsi mewujudkan dan mempertahankan hubungan sosial yang akhirnya akan memberikan peranan kepada individu-individu yang terlibat. Umpamanya ada individu yang bertindak sebagai penyoal dan penyahut serta penyuruh dan disuruh. Daripada itu, lahirlah modus ayat-ayat yang berbeza-beza jenisnya seperti ayat berita, ayat tanya, ayat perintah dan lain-lain.²⁹ Komponen ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:26-27) seperti berikut:

“The INTERPERSONAL component is concerned with the social, expressive and conative functions of language, with expressing the speaker’s ‘angle’ : his attitudes and judgments, his encoding of the role relationships in the situation, and his motive in saying anything at all.”

3- Komponen Tekstual

Komponen ini berfungsi menjelaskan bagaimana bahasa digunakan dalam konteks situasi yang sebenarnya. Ia juga menjelaskan perkara-perkara yang mesti ada pada bahasa untuk menjana teks dan salah satunya adalah kohesi yang perlu ada dalam teks dan konteksnya. Dalam kata lain, komponen ini berperanan menjelaskan bagaimana struktur wacana yang sebenar dihasilkan. Halliday dan Hasan (1976:27) berkata:

“... the TEXTUAL, which is the text-forming component in the linguistic system. This comprises the resources that language has for creating text, in the same sense in which we have been using the term all along: for being operationally relevant, and cohering within itself and with the context of situation.”

Kohesi seperti yang dijelaskan pengertian dan fungsinya dalam bahagian-bahagian yang lepas mempunyai peranan untuk membina struktur teks bagi merealisasikan wacana yang tekstual. Ini ditegaskan oleh Halliday dan Hasan (1976:27-28) seperti berikut:

“Cohesion, therefore, is part of the text-forming component in the linguistic system. It is the means whereby elements that are structurally unrelated to one another are linked together, through the dependence of one on the other for its interpretation ... without cohesion, the remainder of the semantic system cannot be effectively activated at all.”

2.3.4 Kohesi dan Koheren

Seperti yang dinyatakan dalam bahagian 2.2.3 bahawa koheren merupakan salah satu daripada ciri utama sesebuah teks. Wacana menyampaikan maksud-maksud tertentu. Sesuatu ayat dalam wacana adakalanya boleh menyampaikan beberapa maksud (*sense*), akan tetapi hanya satu sahaja maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur atau penulis. Jika maksud sesuatu ayat dalam wacana sukar ditetapkan, maka akan wujud ketaksaan (*ambiguity*) dalam memahami ayat dan akhirnya akan menjaskan pemahaman wacana keseluruhannya. Beaugrande dan Dressler (1981) dalam usaha menggambarkan koheren, menjelaskan bahawa sesuatu teks yang koheren adalah teks yang memiliki kesinambungan maksud dan menampakkan kesepadan di antara konsep (*concept*) dan perkaitan (*relation*) dari satu bahagian ke satu bahagian yang lain. Ini bermakna

kesinambungan maksud itu tidak terhalang oleh ketaksaan yang muncul pada satu-satu bahagian wacana.³⁰ Beaugrande dan Dressler (1981:84) berkata:

"We would define this continuity of senses as the foundation of COHERENCE, being the mutual access and relevance within a configuration of CONCEPTS and RELATIONS."

Khathijah Abdul Hamid (1996) berpendapat bahawa koheren adalah keseluruhan struktur semantik dan kesepadan sesebuah teks pertuturan mahupun penulisan. Pada asasnya ia adalah suatu keperluan wacana. Justeru itu menurut beliau, koheren merupakan konsep yang agak kabur dan sukar didefinisikan, tidak seperti kohesi yang dapat dilihat unsur-unsur linguistik permukaannya.³¹

Kohesi pada dasarnya dapat menjelaskan unsur-unsur yang membinanya secara linguistik. Koheren pula lebih menjurus kepada hubungan di antara wacana dengan pendengar atau pembacanya. Oleh itu, tahap koheren dalam wacana hanya boleh ditentukan oleh seseorang yang mengetahui bahasa yang digunakan serta memahami topik perbincangannya. Hal ini disebut oleh Bosch (1989:218) seperti berikut:

"Whether a text is coherent can only be decided by someone who knows the language in which the text is written and who understands the subject matter the text is about."

Bosch (1989) juga membezakan di antara kohesi dan koheren. Pada beliau, kohesi adalah fenomena sintaksis, manakala koheren bergantung kepada proses pemahaman dan pengertian pendengar atau pembaca terhadap susunan fikiran yang disampaikan dalam sesuatu teks. Ini bermakna tidak semua teks yang memiliki ciri-ciri kohesi mampu memberikan

kefahaman yang teratur seperti yang dikehendaki kepada penerimanya. Ianya bergantung kepada penguasaan terhadap topik yang dinyatakan dalam wacana. Umpamanya seseorang yang tidak memahami bahasa Arab membaca sebuah teks Arab akan menyebabkannya tidak dapat memeriksa sama ada ciri kohesi dan juga koheren dalam teks tersebut. Akan tetapi seorang pengguna bahasa Arab yang tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang Kimia umpamanya, apabila membaca sebuah teks Kimia dalam bahasa Arab, dia boleh memeriksa ciri-ciri kohesi yang terdapat dalam teks tersebut, tetapi tidak boleh memeriksa ciri-ciri koheren disebabkan tidak memiliki pengetahuan terhadap topik perbincangan teks.³² Bosch (1989:218)

berkata:

“But one might want to distinguish *coherence* from *cohesion* (or syntactic connectedness), regarding the latter as a formal syntactic phenomenon whereas the former would rest on processes of comprehension. In a sense, cohesion would then be for texts what grammaticality is for sentences. And just as not all grammatically correct sentences need to make sense, not all texts possessing the syntactic property of cohesion would necessarily possess the semantic property of coherence.”

Kohesi merupakan wasilah penghasilan koheren dalam wacana. Jika beberapa urutan ayat yang kohesif dikeluarkan daripada teksnya, ini akan menyebabkan ciri koheren teks tersebut musnah sama sekali. Sesuatu wacana yang koheren sudah tentu dapat menampilkan penggunaan jenis-jenis kohesi yang betul dan sesuai. Ini tidak bermakna teks yang kohesif dapat menghasilkan koheren kepada penerimanya secara mutlak. Perlu diingatkan bahawa teks yang kohesif hanya boleh memberikan gambaran maksud yang bersifat koheren kepada pembaca dengan syarat pembaca

tersebut menguasai bahasa dan bidang yang dibicarakan oleh teks. Cook (1994:33) berpendapat:

"It is true that, in principle, cohesion is neither necessary nor sufficient to create coherence, yet in practice a discourse of any length will employ it. That most coherent texts are also cohesive, however, does not imply that coherence is created by cohesion."

Beberapa perkara utama tentang perbandingan di antara kohesi dan koheren dapat digambarkan dalam jadual berikut:

Jadual 3: Perbandingan di antara kohesi dan koheren

Kohesi	Koheren
<ul style="list-style-type: none">- ciri utama ketekstualan wacana- boleh dijelaskan- hubungan di antara satu unsur dengan unsur yang lain dalam wacana- perlukan pengetahuan linguistik untuk memahaminya- wacana yang kohesif tidak semestinya koheren	<ul style="list-style-type: none">- ciri utama ketekstualan wacana- agak kabur dan sukar dijelaskan- hubungan di antara wacana dengan penerima (pendengar atau pembaca)- perlukan pengetahuan linguistik dan topik perbincangan untuk memahaminya- wacana yang koheren mestilah kohesif

2.4 Penutup

Walaupun wacana dilihat berdasarkan dua definisi iaitu struktural dan fungsional, namun kita dapatkan kedua-duanya saling berhubungan dan melengkapi di antara satu sama lain. Definisi struktural lebih memfokuskan kepada teks manakala fungsional lebih memberi tumpuan kepada konteks. Dalam kata lain, struktural menekankan aspek teori manakala fungsional lebih

menekankan aspek praktikal. Kedua-dua definisi ini tidak dapat lari daripada meletakkan wacana pada martabat linguistik yang tertinggi.

Wacana sepetimana yang dibincangkan dapat disimpulkan sebagai apa sahaja ungkapan bahasa yang memiliki nilai komunikatif yang dapat diterima dalam sesuatu masyarakat pengguna bahasa daripada sekecil-kecil satu perkataan hingga kepada ucapan yang panjang lebar atau buku yang berjilid-jilid. Apabila faktor komunikatif dikaitkan dengan wacana, maka ini dapat meletakkan wacana di peringkat perbahasan yang tertinggi yang bukan dari lingkungan perbahasan ayat dan klaus. Ini adalah kerana ayat, klaus dan perkataan dikaji dalam bentuk yang beku yang tidak mengambil kira faktor komunikasi masyarakat pengguna sesuatu bahasa. Apa yang penting dalam kajian ayat hanyalah menghasilkan struktur tatabahasa yang bercirikan formula yang tidak mesra atau peka kepada konteks. Pendekatan analisis wacana mengaitkan wacana dan komponen-komponennya dengan konteks situasi penghasilan wacana bagi menyatakan dengan tepat maksud sesuatu ujaran atau tulisan. Sebenarnya kontekslah yang menentukan sama ada segumpal bahasa itu layak dinamakan wacana atau sebaliknya. Perhatikan ayat-ayat dalam contoh berikut:

[2.7]

(1) مَمْتُنُعُ الدُّخُولُ

(2) مَمْتُنُعُ التَّدْخِينِ

(3) مَمْتُنُعُ الْاسْتِعْفَارُ

(4) مَمْتُنُعُ التَّنْظِيفُ

Semua ayat dalam contoh [2.7] mungkin benar dari aspek nahu tetapi tidak semuanya boleh dinyatakan sebagai wacana. Ini adalah kerana taraf wacana sesuatu ungkapan bahasa ditentukan oleh konteks masyarakat penggunanya. Hanya ayat (1) dan (2) yang diiktiraf oleh konteks sebagai wacana, manakala ayat (3) dan (4) tidak pernah digunakan dalam mana-mana konteks, lantaran tidak layak dinamakan wacana.

Dengan adanya tafsiran wacana dari sudut struktural dan fungsional yang memberi penekanan terhadap teks dan konteks, maka ini memperluaskan lagi skop kajian analisis wacana. Analisis wacana bukan setakat terhad kepada unsur-unsur dalaman linguistik tetapi meliputi unsur-unsur luar bahasa yang berada di alam realiti. Pengkaji analisis wacana mempunyai pelbagai pilihan dalam menganalisis wacana. Pengkaji analisis wacana boleh memilih untuk mengkaji struktur wacana iaitu konstituen-konstituen yang membina ataupun mengkaji fungsi wacana iaitu mengkaji tindak balas sosial, faktor-faktor sosio-budaya dan sebagainya.

Analisis kohesi merupakan salah satu daripada kajian struktur dalaman linguistik dalam wacana. Ayat sebagai unit yang paling tinggi dalam tatabahasa mempunyai struktur nahu yang tertentu. Oleh itu, setiap elemen dalam ayat dihubungkan di antara satu sama lain oleh struktur ayat tersebut. Perkaitan elemen-elemen dalam ayat melalui struktur nahu ayat secara tidak langsung membina perkaitan kohesi dalam ayat. Di antara ayat-ayat pula, tidak terdapat perkaitan-perkaitan struktur seperti yang terdapat dalam ayat. Tidak ada struktur nahu yang menentukan bagaimana ayat-ayat seharusnya disusun. Oleh itu, hanya perkaitan kohesi sahaja yang menetapkan susunan ayat-ayat dalam sesebuah wacana mengikut pertimbangan semantik.

Sesebuah wacana yang telah ditetapkan susunan ayat-ayat di dalamnya berdasarkan perkaitan kohesi hanya boleh diubahsuai kedudukan ayat-ayat jika makna wacana dipinda. Wacana seharusnya dilihat sebagai satu unit semantik yang mengandungi bahagian-bahagian yang dihubungkan secara kohesi. Justeru itu, kajian kohesi dalam wacana sebenarnya bertujuan membuktikan kemampuan wacana berfungsi sebagai satu unit yang tidak boleh dipecahkan kepada unit-unit wacana yang lain. Jika dipecahkan juga kepada bahagian-bahagian seperti bab, perenggan, ayat dan sebagainya, maka ia hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada wacana.

CATATAN BAB 2

- 1 Sato Hirobumi (1997:1)
- 2 Schiffrin (1994: 20-22)
- 3 Stubbs (1989:1)
- 4 Lihat Schiffrin (1994: 24)
- 5 Lihat *Dewan Bahasa* 37 (4): 357-362
- 6 Schiffrin (1994: 21-22)
- 7 Brown dan Yule (1983:1)
- 8 Halliday dan Hasan (1976:2)
- 9 Lihat *Dewan Bahasa* 40(10): 870
- 10 Beaugrande dan Dressler (1981:3-12)
- 11 Lihat Renkema (1993:34-37)
- 12 Lihat Renkema (1993: 86)
- 13 Brown dan Yule (1983:4-5)
- 14 Brown dan Yule (1983:35)
- 15 Lihat Kramsch (1993:37)
- 16 Cook (1994:24)
- 17 Cook (1994:24-25)
- 18 Lihat Steiner dan Veltman (1988:148)
- 19 Halliday dan Hasan (1976:4)
- 20 Berita BBC Arabic Online [2.1] dipetik daripada <http://www.bbc.co.uk/arabic/> bertarikh 9/7/2000
- 21 Jenis-jenis kohesi akan dijelaskan dengan terperinci dalam Bab 3
- 22 Lihat penjelasan dalam bahagian 2.3.2.1 dan 2.3.2.2 dalam bab ini

- 23 Majalah *Al-'Ālam*, Jun 1991, Bil: 384
- 24 Majalah *Al-Syarq al-'Awsat*, April 1991, Bil:251
- 25 Beaugrande dan Dressler (1981:48)
- 26 Buku yang dimaksudkan ialah *Ta'lim al-Lughat al-'Arabiyyat baina al-Nazariyyat wa al-Taṭbiq* karangan Hasan Syahatāt, Terbitan Al-Dār al-Miṣriyyat al-Lubnāniyyat (1992)
- 27 Halliday (1985:291)
- 28 Terjemahan *ideational, interpersonal* dan *textual* diambil daripada Sato Hirobumi (1997)
- 29 Sato Hirobumi (1997:23-24)
- 30 Beaugrande dan Dressler (1981:84-112)
- 31 Khathijah Abdul Hamid (1996:870)
- 32 Bosch (1989:218-227)